

**NO. SOALAN: 253**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [ KAMPAR ]**

**RUJUKAN : 8027**

**SOALAN:**

**Dr. Ko Chung Sen [ Kampar ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) bilangan penghuni di kesemua penjara bagi 5 tahun yang lalu; dan
- (b) jumlah kakitangan dan pembiayaan yang diperlukan untuk mengekalkan perkhidmatan penjara setiap tahun bagi 5 tahun yang lalu.

**JAWAPAN:**

- (a) Secara purata, seramai 36,440 penghuni ditahan pada satu-satu masa di seluruh institusi penjara sepanjang tahun 2010. Tahun 2011 adalah seramai 36,414 penghuni, tahun 2012 seramai 36,503 penghuni, tahun 2013 seramai 39,810 penghuni dan tahun 2014 seramai 46,816 penghuni.**
- (b) Berdasarkan kepada rekod pengisian perjawatan Jabatan Penjara Malaysia pada 30 April 2015, terdapat seramai 13,914 pegawai penjara yang sedang berkhidmat. Sejumlah RM3.5 bilion di bawah Peruntukan Mengurus telah dibelanjakan untuk menguruskan institusi penjara berkenaan dalam tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2010 hingga 2014 dengan purata perbelanjaan setiap tahun berjumlah RM700 juta.**